



**PEJABAT KETUA PENGARAH
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN
MAKANAN (KPKM)**
*Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security*
**ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA**

No. Tel : 03 – 8870 4426
Emel : ukk@dof.gov.my
Laman Web : <https://www.dof.gov.my>

PUSAT KONSERVASI DAN PENERANGAN PENYU KEDUA NEGERI PERAK – USAHA JABATAN PERIKANAN MALAYSIA MEMULIHARA PENYU

8 JULAI, PULAU PANGKOR – Jabatan Perikanan Malaysia telah membelanjakan sebanyak RM150,000 bagi membina Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu di Teluk Ketapang, Pulau Pangkor. Pembinaan pusat konservasi di kawasan seluas 7.99 hektar ini merupakan satu inisiatif jabatan dalam memulihara dan memelihara hidupan marin tersebut dari terancam.

Pada tahun 2022, populasi penyu di Malaysia dicatatkan sebanyak 11,129 ekor berdasarkan jumlah pendaratan yang direkodkan di tujuh negeri iaitu Terengganu, Pahang, Johor, Melaka, Perak, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan serta Wilayah Persekutuan Labuan. Pada tahun yang sama juga merekodkan 977, 905 jumlah pengeraman dan 681, 077 jumlah penetasan telur penyu.

Negeri yang mencatatkan pendaratan tertinggi adalah Terengganu iaitu 9,632, diikuti Negeri Melaka (969), Pahang (368), Perak (61) dan Pulau Pinang (54). Jabatan Perikanan Malaysia yakin dengan penubuhan pusat konservasi kedua di Negeri Perak dapat meningkatkan jumlah pendaratan penyu di perairan pantai Perak di masa akan datang. Pusat Konservasi Dan Penerangan Penyu ini juga dijangka dapat menarik lebih ramai pelancong luar negara dan pengunjung tempatan ke Pulau Pangkor, khususnya Teluk Ketapang.

Negeri Perak telah membina Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu yang pertama pada tahun 1989 yang terletak di Segari. Pusat pengurusan ini berfungsi sebagai pusat penyelidikan, penetasan dan pengurusan penyu serta program publisiti.

Melalui penubuhan Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu di Teluk Ketapang ini Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan), Tuan Haji Wan Muhammad Aznan bin Abdullah berharap dapat menarik lebih banyak kerjasama dari Institut Pengajian Tinggi tempatan dan luar negara, Badan Bukan Kerajaan (NGO), pakar-pakar dari dalam dan luar negara bagi aktiviti penyelidikan dan kajian terhadap penyu. Jabatan Perikanan Malaysia turut mengalu-alukan program Corporate Social Responsibilities (CSR) dari mana-mana pihak yang berminat.

Aktiviti seperti pembersihan pantai dapat menarik lebih banyak pendaratan penyu ke darat bagi tujuan bertelur.

Melalui Kaedah-Kaedah Perikanan (Penyu) (Perak) 2021, Jabatan Perikanan Negeri Perak akan melindungi dan mengurus haiwan reptilia ini dari ancaman-ancaman seperti pemburuan terhadap penyu dan telur sebagai pilihan makanan eksotik serta pembuangan jaring terbiar (ghost net) yang memerangkap penyu. Justeru itu, Haji Wan Muhammad Aznan mengajak masyarakat tempatan khususnya para nelayan bersama-sama dalam usaha pemuliharaan penyu dengan mematuhi larangan-larangan yang ditetapkan

Orang awam boleh berkunjung ke Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Teluk Ketapang, Pulau Pangkor bermula Februari 2023 tanpa sebarang bayaran. Pelbagai maklumat menarik berkenaan penyu boleh didapati di pusat ini. Beberapa sarang penyu spesies penyu Agar (*Green turtle*) telah dikenalpasti di Pantai Teluk Ketapang sepanjang tahun yang menunjukkan kewujudan spesis ini di perairan Pulau Pangkor.

Kenyataan media ini disiarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

Email : ukk@dof.gov.my; pro@dof.gov.my